



Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2023-2025

STATISTIK JANGKAAN HAYAT, MALAYSIA, 2025^e

2023
74.0 tahun

2024^p
74.9 tahun


2025^e
75.3 tahun

Jangkaan hayat ketika lahir
meningkat 1.3 tahun bagi
tempoh 2023 hingga 2025



01

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR, 2015-2025^e



Perempuan yang dilahirkan pada tahun 2025 dijangka hidup 4.8 tahun lebih lama berbanding lelaki

02

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR MENGIKUT KEWARGANEGARAAN



WARGANEGARA



BUKAN WARGANEGARA

03

JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR MENGIKUT KUMPULAN ETNIK



Etnik Cina mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi pada 2025 berbanding etnik lain iaitu 74.6 tahun (lelaki) dan 80.6 tahun (perempuan)

Nota: ^p Permulaan
^e Anggaran


04

JANGKAAN HAYAT PADA UMUR TERTENTU



Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2023-2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Jangkaan Hayat Ketika Lahir, Malaysia, 2023-2025



Nota: ^p Permulaan
^e Anggaran



Jangkaan Hayat Penduduk Malaysia Terus Meningkat pada Tahun 2025: Bayi yang Dilahirkan pada Tahun Ini Dijangka Hidup 75.3 Tahun, dengan Bayi Perempuan Hidup 4.8 Tahun Lebih Lama Berbanding Bayi Lelaki.

- Seorang bayi yang lahir pada 2025 secara purata dijangka hidup sehingga 75.3 tahun.
- Seorang bayi lelaki yang lahir pada tahun 2023, 2024 dan 2025 secara purata masing-masing dijangka hidup sehingga 71.7 tahun, 72.7 tahun dan 73.1 tahun.
- Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2023, 2024 dan 2025 secara purata masing-masing dijangka hidup sehingga 76.6 tahun, 77.6 tahun dan 77.9 tahun.
- Seorang lelaki yang mencapai umur 15 tahun pada 2025 dijangka hidup selama 58.8 tahun lagi.
- Seorang perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2025 dijangka hidup selama 63.6 tahun lagi.
- Lelaki dan perempuan yang berumur 60 tahun pada 2025 masing-masing dijangka hidup selama 18.8 tahun dan 21.6 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki yang berumur 60 tahun pada 2025 dijangka hidup sehingga 78.8 tahun dan perempuan, 81.6 tahun.
- Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun pada 2025 masing-masing dijangka hidup selama 15.3 tahun dan 17.6 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki yang berumur 65 tahun pada 2025 dijangka hidup sehingga 80.3 tahun dan perempuan, 82.6 tahun.
- Etnik Cina kekal mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi tahun 2023 hingga 2025.
- Selangor mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi tahun 2023 hingga 2025 manakala Terengganu mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah bagi tempoh yang sama.
- Samarahan, Sarawak mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir tertinggi pada tahun 2023 (79.8 tahun), 2024 (80.4 tahun) dan 2025 (80.9 tahun). Sementara itu, jangkaan hayat ketika lahir terendah dicatatkan di Kecil Lojing, Kelantan pada tahun 2023 (63.6 tahun), Kuala Penyu, Sabah pada tahun 2024 (66.5 tahun) dan Kanowit, Sarawak pada tahun 2025 (66.5 tahun).

